

**HUBUNGAN IKLIM AKADEMIK
MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL
DENGAN KONSEP KENDIRI, RELIANS KENDIRI
DAN KESEDIAAN INTELEK**

DHANAPAL A/L RENGASAMY

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2007

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Loo Seng Piew kerana sudi melapangkan masa membaca kesemua draf dan membetulkannya dan memberi teguran-teguran yang konstruktif dan terima kasih juga diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Ishak Ramly kerana memberi pandangan, teguran dan idea yang bernas untuk saya membetulkan kelemahan-kelemahan saya pada peringkat penyudahan tesis.

Terima kasih juga dirakamkan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed yang membenarkan saya mengikuti kuliah-kuliah Kaedah Penyelidikan dan Statistik. Kedua-dua kuliah ini memberi banyak input yang berguna sehingga terhasilnya tesis ini. Wacana Ilmu yang dikendalikan oleh PPIP banyak memberi ilmu kepada saya untuk mendalami bidang kajian.

Terima kasih daun keladi diucapkan kepada semua guru besar, penolong kanan, guru, murid, jawatankuasa PIBG dan ahli badan-badan bukan kerajaan SJK Tamil Negeri Kedah khususnya SJK Tamil di Daerah Baling dan Kulim yang memberi kerjasama yang penuh setiap kali saya menjalankan kajian sebenar di sekolah-sekolah mereka. Penghargaan juga dirakamkan kepada Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan seterusnya kepada Jabatan Pelajaran Negeri Kedah kerana membenarkan saya menjalankan penyelidikan ini.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1: PENGENALAN DAN MASALAH KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Rasional Kajian	13
1.4 Rangka Konsep Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	19
1.6 Soalan Kajian	20
1.7 Hipotesis Kajian	21
1.8 Definisi Operasional	23
1.9 Kepentingan Kajian	28
1.10 Batasan Kajian	30

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Konsep Iklim Akademik Sekolah	42
2.3	Kerangka Teori Kajian	45
2.3.1	Teori Iklim Akademik Sekolah Brookover (1979)	46
2.3.2	Teori Sekolah Berkesan Reynolds (1976) dan Mortimore et al. (1988)	49
2.3.3	Teori Tingkah Laku Skinner (1938)	50
2.4	Model-Model Iklim Akademik Sekolah	54
2.4.1	Model Lareau	55
2.4.2	Model Moos	56
2.4.3	Model Stoll dan Fink	59
2.4.4	Model Brookover	60
2.4.5	Model McDill	62
2.4.6	Model Stockard dan Mayberry	64
2.4.7	Model Duncan, Featherman dan Duncan	64
2.4.8	Model Bourdieu dan Passeron	65
2.4.9	Model Kreft	67
2.5	Tinjauan Iklim Akademik Sekolah di Beberapa Negara Dunia Ketiga	68
2.6	Iklim Akademik Sekolah dan Konsep Kendiri	69
2.7	Faktor Latar Belakang Keluarga dan Pencapaian Murid	77
2.8	Iklim Akademik Sekolah dan Pencapaian Murid	79
2.9	Iklim Akademik Sekolah dan Relians Kendiri	81
2.10	Kepimpinan Sekolah dan Iklim Akademik Sekolah	84
2.11	Jangkaan dan Norma Guru dan Ibu Bapa Terhadap Murid	87
2.12	Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Murid	90
2.13	Badan Bukan Kerajaan dan Pencapaian Murid	91
2.14	Kesimpulan	100

BAB 3 : METODOLOGI

3.0	Pengenalan	102
3.1	Reka Bentuk Kajian	102
3.2	Populasi dan Persampelan	106
3.3	Instrumen Kajian	111
3.3.1	Instrumen Kuantitatif	111
3.3.1.1	Instrumen Iklim Akademik Murid dan Hasil Persekolahan	111
3.3.1.2	Instrumen untuk Mengukur Kesiediaan Intelek	113
3.3.2	Instrumen Kualitatif	115
3.3.2.1	Temubual Separa Berstruktur	115
3.3.2.2	Analisis Dokumen Sekolah	119
3.3.3	Pengelompokan Soalan Item Mengikut Soalan Kajian	119
3.4	Kesahan Kandungan Item Instrumen Iklim Akademik Murid dan Hasil Persekolahan	120
3.5	Kajian Rintis	122
3.6	Kesahan Binaan Item Instrumen Iklim Akademik Murid	123
3.7	Pindaan Binaan Item Instrumen Iklim Akademik Murid	123
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	125
3.8.1	Instrumen Kesiediaan Intelek-Ujian MPST Tahun Lima	125
3.8.2	Instrumen Persepsi Pelajar Terhadap Iklim Akademik Murid	125
3.9	Pentadbiran Instrumen dan Pengumpulan Data	127
3.9.1	Pentadbiran Instrumen	127
3.9.1.1	Instrumen Soal Selidik	127
3.9.1.2	Pengekodan Semula Sub Skala	128
3.9.1.3	Instrumen Ujian MPST Tahun Lima	129
3.9.2	Pengumpulan Data	130
3.9.2.1	Dokumen Sekolah	132
3.9.2.2	Kaedah Temubual dengan BBK dan PIBG	132

	Muka surat
3.9.2.3 Kaedah Temubual dengan Guru Besar	133
3.9.2.4 Kaedah Temubual dengan Guru	133
3.9.2.5 Kaedah Temubual dengan Murid	134
3.10 Analisis Data Penyelidikan	134
3.10.1 Triangulasi Dalam Penyelidikan	135
3.11 Kesimpulan	141
 BAB 4 : HASIL KAJIAN	
4.1. Pendahuluan	142
4.2 Analisis Dapatan Kualitatif	143
4.2.1 Dapatan Temubual dengan BBK dan PIBG Tentang Sumbangan BBK dan PIBG	144
4.2.2 Input BBK dan PIBG Terhadap Iklim Akademik Murid	150
4.2.2.1 Kesia-siaan Akademik Murid	150
4.2.2.2 Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid	152
4.2.2.3 Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa Terhadap Murid	154
4.2.2.4 Galakan dan Norma Guru	156
4.2.2.5 Norma Akademik Murid	158
4.2.3 Input Guru Besar Terhadap Iklim Akademik Murid	162
4.2.3.1 Kesia-siaan Akademik Murid	162
4.2.3.2 Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid	163
4.2.3.3 Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa Terhadap Murid	166
4.2.3.4 Galakan dan Norma Guru	168
4.2.3.5 Norma Akademik Murid	169
4.2.4 Input Guru Terhadap Iklim Akademik Murid	172
4.2.4.1. Kesia-siaan Akademik Murid	172
4.2.4.2 Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid	173
4.2.4.3 Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa Terhadap Murid	175
4.2.4.4 Galakan dan Norma Guru	177
4.2.4.5. Norma Akademik Murid	179

	Muka surat
4.2.5 Input Murid Terhadap Iklim Akademik Murid	182
4.2.5.1. Kesia-siaan Akademik Murid	182
4.2.5.2 Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid	184
4.2.5.3 Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa Terhadap Murid	186
4.2.5.4 Galakan dan Norma Guru	188
4.2.5.5. Norma Akademik Murid	190
4.2.6 Rumusan Data Kualitatif	195
4.3 Analisis Dapatan Kuantitatif	196
4.3.1 Keputusan Data Deskriptif	196
4.3.2 Keputusan Analisis Statistik Pengujian Hipotesis Kajian	198
4.3.2.1 Keputusan Analisis ANOVA	198
4.3.2.2 Keputusan Analisis Korelasi Pearson	210
i) Keputusan Analisis Korelasi antara Kesia-siaan Akademik Murid dengan Kesediaan Intelek, Konsep Kendiri dan Relians Kendiri	210
ii) Keputusan Analisis Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid dengan Kesediaan Intelek, Konsep Kendiri dan Relians Kendiri	212
iii) Keputusan Analisis Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa dan Guru Terhadap Murid dengan Kesediaan Intelek, Konsep Kendiri dan Relians Kendiri	214
iv) Keputusan Analisis Korelasi antara Galakan dan Norma Guru dengan Kesediaan Intelek, Konsep Kendiri dan Relians Kendiri	216
v) Keputusan Analisis Korelasi antara Norma Akademik Murid dengan Kesediaan Intelek, Konsep Kendiri dan Relians Kendiri	218
4.3.3 Kesimpulan	220

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	221
5.2	Perbincangan	222
5.2.1	Input badan bukan kerajaan dan PIBG terhadap iklim akademik murid	223
5.2.2	Kesediaan intelek murid antara murid lima kumpulan taraf sosioekonomi	227

	Muka surat
5.2.3 Konsep sendiri murid antara murid lima kumpulan taraf sosioekonomi	228
5.2.4 Relians sendiri murid antara murid lima kumpulan taraf sosioekonomi	229
5.2.5 Kesediaan intelek murid antara murid sekolah bandar, pinggir bandar dan lading	229
5.2.6 Konsep sendiri murid antara murid sekolah bandar, pinggir bandar dan lading	230
5.2.7 Relians sendiri murid antara murid sekolah bandar, pinggir bandar dan lading	231
5.2.8 Persepsi murid terhadap kesia-siaan akademik dengan kesediaan intelek murid	232
5.2.9 Persepsi murid terhadap kesia-siaan akademik dengan konsep sendiri murid	233
5.2.10 Persepsi murid terhadap kesia-siaan akademik dengan relians sendiri murid	233
5.2.11 Persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan masa hadapan dengan kesediaan intelek murid	234
5.2.12 Persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan masa hadapan dengan konsep sendiri murid	235
5.2.13 Persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan masa hadapan dengan relians sendiri murid	236
5.2.14 Persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid dengan kesediaan intelek murid	236
5.2.15 Persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid dengan konsep sendiri murid	237
5.2.16 Persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid dengan relians sendiri murid	238
5.2.17 Persepsi murid terhadap galakan guru dan norma guru dengan kesediaan intelek murid	239
5.2.18 Persepsi murid terhadap galakan guru dan norma guru dengan konsep sendiri murid	240
5.2.19 Persepsi murid terhadap galakan guru dan norma guru dengan relians sendiri murid	241
5.2.20 Persepsi murid terhadap norma akademik murid dengan kesediaan intelek murid	242

5.2.21	persepsi murid terhadap norma akademik murid dengan konsep sendiri murid	243
5.2.22	Persepsi murid terhadap norma akademik murid dengan relians sendiri murid	243
5.3	Implikasi Kajian	244
5.3.1	Implikasi Terhadap Teori	245
5.3.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	247
5.3.3	Implikasi Terhadap Amalan Pendidikan	249
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	256
5.5	Kesimpulan	259
	SENARAI RUJUKAN	262
	LAMPIRAN-LAMPIRAN	
	Lampiran A	275
	Lampiran B	277
	Lampiran C	279
	Lampiran D	281
	Lampiran E	283
	Lampiran F	284
	Lampiran G	285
	Lampiran H	289
	Lampiran I	290
	Lampiran J	302

SENARAI JADUAL

1.1	Keputusan UPSR SJKT 2000-2004	5
1.2	Bilangan A Di SJKT 1999-2004	5
1.3	Bilangan Murid Cemerlang Tahun 2004	6
1.4	Sekolah Prestasi Tinggi Tahun 2003	7
1.5	Peratus Sekolah Mendapat Kesemua A	7
1.6	Peratusan Pencapaian UPSR Tahun 2003 Mengikut Subjek	8
3.1	Jumlah dan Bilangan SJKT yang Mendapat Keputusan Cemerlang UPSR 2004 Di Kedah	109
3.2	Keputusan Cemerlang SJKT 2004 dan 2005	109
3.3	Kriteria Bandar, Pinggir Bandar dan Ladang	110
3.4	Persampelan Kajian Iklim Akademik	110
3.5	Pengelompokan Soalan Instrumen Iklim Akademik Sekolah	113
3.6	Jadual Waktu Peperiksaan Semester 2	114
3.7	Item Soalan Temubual Badan Bukan Kerajaan, PIBG, Guru Besar, Guru dan Murid Mengikut Dimensi Iklim Akademik Murid	120
3.8	Pindaan dan Pengubahsuaian Soalan Asal	124
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Mengikut Faktor	126
3.10	Jadual Pengekodan Semula Sub Skala daripada Instrumen Asal Brookover	129
3.11	Butiran Item Temubual BBK, PIBG, Guru Besar, Guru dan Murid	136
4.1	Bilangan Responden yang Ditemubual Mengikut Profil Sekolah	144
4.2	Taburan, Frekuensi dan Peratusan Profil Sekolah, Taraf Sosioekonomi Responden dan Tahap Pendidikan Waris Responden (N=500)	196
4.3	Min dan Sisihan Piawai Taraf Sosioekonomi Terhadap Hasil Persekolahan (N=500)	199
4.4	Jadual ANOVA: Perbezaan Kesianaan Intelek, Konsep Kendiri dan Relians sendiri di antara Kumpulan Sosioekonomi (N=500)	200
4.5	Perbandingan <i>Post-hoc Scheffe</i> Terhadap Kesianaan Intelek di	201

	antara Kumpulan sosioekonomi (N=500)	
4.6	Min Sisihan Piawai Hasil Persekolahan Mengikut Profil Sekolah (N=500)	201
4.7	Jadual ANOVA: Perbezaan Kesian Intelek, Konsep Kendiri dan Relians Kendiri Mengikut Profil Sekolah (N=500)	202
4.8	Perbandingan Post-hoc Scheffe Terhadap Kesian Intelek dan Konsep Kendiri Mengikut Profil Sekolah	202
4.9	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Iklim Akademik Murid Mengikut Profil Sekolah (N=500)	204
4.10	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Iklim Akademik Murid Mengikut Lima Kumpulan Taraf Sosioekonomi (N=500)	207
4.11	Min dan Sisihan Piawai Persepsi Iklim Akademik Murid (N=500)	209
4.12	Koefisien Pekali Korelasi antara Kesian Akademik Murid dengan Kesian Intelek Murid (N=500)	211
4.13	Koefisien Pekali Korelasi antara Kesian Akademik Murid dengan Konsep Kendiri Murid (N=500)	211
4.14	Koefisien Pekali Korelasi antara Kesian Akademik Murid dengan Relians Kendiri Murid (N=500)	212
4.15	Koefisien Pekali Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid dengan Kesian Intelek Murid (N=500)	212
4.16	Koefisien Pekali Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid dengan Konsep Kendiri Murid (N=500)	213
4.17	Koefisien Pekali Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Masa Depan Murid dengan Relians Kendiri Murid (N=500)	214
4.18	Koefisien Pekali Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa dan Guru Terhadap Murid dengan Kesian Intelek Murid (N=500)	214
4.19	Koefisien Pekali Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa dan Guru Terhadap Murid dengan Konsep Kendiri Murid (N=500)	215
4.20	Koefisien Pekali Korelasi antara Penilaian dan Jangkaan Ibu Bapa dan Guru Terhadap Murid dengan Relians Kendiri Murid (N=500)	216
4.21	Koefisien Pekali Korelasi antara Galakan dan Norma Guru dengan Kesian Intelek Murid (N=500)	216
4.22	Koefisien Pekali Korelasi antara Galakan dan Norma Guru dengan Konsep Kendiri Murid (N=500)	217

4.23	Koefisien Pekali Korelasi antara Galakan dan Norma Guru dengan Relians Kendiri Murid (N=500)	218
4.24	Koefisien Pekali Korelasi antara Norma Akademik Murid dengan Kesediaan Intelek Murid (N=500)	218
4.25	Koefisien Pekali Korelasi antara Norma Akademik Murid dengan Konsep Kendiri Murid (N=500)	219
4.26	Koefisien Pekali Korelasi antara Norma Akademik Murid dengan Relians Kendiri Murid (N=500)	219

SENARAI RAJAH

1.1	Model Variabel Sistem Sosial Sekolah dan Hubungannya dengan Hasil Murid	17
2.1	Model Iklim Akademik Sekolah Brookover	47
2.2	Model Sekolah Berkesan Reynolds dan Mortimore et al.	50
2.3	Model Tingkah Laku Sosial Skinner dan Amabile	54
3.1	Triangulasi antara Kaedah	137
3.2.1	Triangulasi dalam Kaedah (Pemerhatian Tidak Formal)	138
3.2.2	Triangulasi dalam Kaedah (Soal selidik dan Ujian MPST)	139
3.2.3	Triangulasi dalam Kaedah (Temubual Separa Berstruktur)	139

SINGKATAN

ANOVA	-	<i>Analysis of Variance</i>
BBK	-	Badan Bukan Kerajaan
BM	-	Bahasa Melayu
BT	-	Bahasa Tamil
EPRD	-	<i>Evaluation, Planning And Research Division</i>
JPM	-	Jabatan Perdana Menteri
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
MIC	-	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MIED	-	<i>Maju Institute of Education Development</i>
MPST	-	Majlis Permuafakatan Sekolah Tamil
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa Dan Guru-Guru
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PIIP	-	Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
PPRT	-	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
RM	-	Ringgit Malaysia
SJKC	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for The Social Science</i>
SSE	-	Status Sosioekonomi
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TVP	-	Televisyen Pendidikan
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
YSS	-	Yayasan Strategik Sosial

**HUBUNGAN IKLIM AKADEMIK
MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL
DENGAN KONSEP KENDIRI, RELIANS KENDIRI DAN KESEDIAAN INTELEK**

ABSTRAK

Kajian iklim akademik dalam kalangan murid SJK Tamil ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama meliputi kajian kuantitatif. Dalam bahagian ini kajian tinjauan dilakukan. Sejumlah 500 orang murid telah menjawab sebanyak 51 soalan yang menggunakan skala Likert. 500 orang murid tersebut dipecahkan kepada 125 orang murid sekolah pinggir bandar, 125 orang murid bandar dan 250 orang murid sekolah ladang. Hal ini kerana sebanyak 85% SJK Tamil terletak di ladang. Input sosial seperti profil sekolah mengikut lokasi pinggir bandar, bandar dan ladang serta latar belakang lima kumpulan taraf sosioekonomi pelajar dikaji dengan menggunakan statistik ANOVA untuk mengkaji perbezaan yang terdapat dalam 3 hasil persekolahan iaitu kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri murid. Kajian korelasi Pearson juga dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perhubungan di antara persepsi murid terhadap iklim akademik dengan tiga hasil persekolahan tersebut. Kedua-dua kajian kuantitatif ini dilakukan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan. Persepsi murid terhadap iklim akademik murid dibataskan kepada 5 dimensi yang penting iaitu, a) kesia-siaan akademik, b) penilaian dan jangkaan masa depan murid, c) penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid, d) galakan dan norma guru dan e) norma akademik murid. Kesemua dimensi ini dikaji untuk melihat sama ada wujud perhubungan antara dimensi iklim akademik ini dengan kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri. Kajian kualitatif juga diadakan untuk menyemak silang maklumat yang diperolehi daripada responden-responden. Kaedah temu bual separa berstruktur diadakan dengan badan-badan bukan kerajaan, persatuan ibu bapa dan guru, Biro Pelajaran dan persatuan-persatuan yang membantu SJK Tamil. Kesemua dapatan kajian kualitatif ditringulasikan dengan dapatan kajian kuantitatif. Sebanyak 3

hipotesis utama dan 21 hipotesis sampingan telah dibentuk dan dikaji. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kesediaan intelek yang signifikan di antara murid yang berasal dari latar belakang 5 kumpulan sosioekonomi. Manakala dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan konsep sendiri yang signifikan di antara kumpulan taraf sosioekonomi. Dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri dalam kalangan murid dari 3 kumpulan profil sekolah. Kajian menunjukkan bahawa faktor latar belakang keluarga dan profil sekolah sangat mempengaruhi pencapaian murid SJK Tamil. Kebanyakan murid ladang dan sebahagian murid bandar dan pinggir bandar kurang mempunyai konsep sendiri, relians sendiri dan kesediaan intelek. Secara keseluruhan, kajian juga menunjukkan bahawa iklim akademik murid di sekolah bandar adalah lebih positif berbanding dengan sekolah di pinggir bandar dan ladang. Sumbangan badan bukan kerajaan kepada SJK Tamil bandar didapati lebih memuaskan jika dibandingkan dengan sumbangan badan bukan kerajaan di SJK Tamil pinggir bandar dan ladang. Terdapat banyak badan bukan kerajaan memberi sumbangan yang aktif ke arah meningkatkan iklim akademik murid SJK Tamil. Sumbangan-sumbangan tersebut harus diteruskan untuk membantu murid SJK Tamil agar peningkatan kejayaan akademik yang cemerlang pada masa akan datang dapat dicapai oleh mereka.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN THE ACADEMIC CLIMATE OF NATIONAL
TYPE TAMIL SCHOOLS' PUPILS AND SELF- CONCEPT, SELF- RELIANCE AND
INTELLECTUAL READINESS**

ABSTRACT

This academic climate research among SJK Tamil students is divided into two parts. The first part of the study was the quantitative method which involved survey research. A total of 500 pupils answered 51 questions based on the Likert scale. These 500 pupils were divided into 125 suburban school pupils, 125 urban school pupils and 250 estate school pupils. This is due to the fact that 85% of Tamil schools are situated in estates. Social inputs such as school profile according to suburban, urban and estate locations as well as family background consisting five socioeconomic groups were analysed using the ANOVA statistics to find out the differences in three school outcomes, namely intellectual readiness, self-concept and self-reliance among students. Besides that, Pearson correlation study was also conducted to determine the existence of the relationship between students' perceptions towards academic climate with the three school outcomes. Both the quantitative and qualitative research methods were conducted to answer the research questions. Students' perceptions towards academic climate were limited to five dimensions which were; a) sense of academic futility b) students' future evaluation and expectations c) perceived present evaluation and expectations d) perceptions of teacher push and norms e) students' academic norms. All the dimensions were investigated to find out the existence of the relationship between these academic climate dimensions with intellectual readiness, self-concept and self-reliance among students. Qualitative data was also gathered to cross check the information received from the respondents. Semi-structured interviews were conducted with non-government organizations, parents and teachers association, Education Bureau, community organizations, etc. The findings of the qualitative study were triangulated with the findings of the quantitative study. Three main hypotheses

and 21 sub-hypotheses were formed and studied. The findings depicted that there is a significant difference in the intellectual readiness of students who originate from 5 socioeconomic groups. However, the findings showed there was no significant difference in self-concept among students from the five socioeconomic background groups. The findings also showed that there was no significant difference in intellectual readiness, self-concept and self-reliance among students from the 3 school profile groups. The research showed that factors such as family background and school profile strongly influence the achievement of SJK Tamil students. Most of the estate school students and a few of the urban and suburban school students lack self reliance, self concept and intellectual readiness. The research showed that the academic climate among students in the urban schools is more positive compared to suburban and estate schools. NGOs and PTAs contribute positively towards the academic climate of SJK Tamil students. The contributions of these organizations are more encouraging in urban schools than in suburban and estate schools. Several NGOs contributed actively towards the academic climate of SJK Tamil students. These contributions should be continued to enable the SJK Tamil students to continue to further improve their academic excellence in future.

BAB 1

PENGENALAN DAN MASALAH KAJIAN

1.1 Pengenalan

Kajian Coleman *et al.* (1966) mendapati tahap pencapaian sesebuah sekolah disebabkan oleh faktor-faktor bukan sekolah seperti taraf sosio ekonomi ibu bapa. Bagaimanapun sejak 1970-an kajian pencapaian seseorang murid lebih menjurus kepada keberkesanan sekolah. Kajian Kementerian Pelajaran Malaysia tentang keberkesanan sekolah, menyatakan bahawa sekolah mempunyai pengaruh terhadap perkembangan pencapaian seseorang murid (Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1989). Malah pengaruh sekolah-sekolah yang berlainan juga menyebabkan hasil persekolahan seseorang murid yang berlainan (Brookover *et al.* (1978), Lezotte *et al.* (1980) dan Nooman, (1976).

Selain Coleman, kajian Metz (1986) dan Chubb dan Moe (1990) juga mendapati bahawa taraf sosio ekonomi ibu bapa adalah penting dalam hasil persekolahan murid. Kajian-kajian Matluck (1987), Cruickshank (1990) dan Bliss *et al.* (1991) mendapati bahawa keberkesanan sekolah merupakan variabel yang relevan dalam pencapaian murid di sekolah. Hal ini termasuklah iklim akademik sekolah yang teratur, kepimpinan, jangkaan guru, kekerapan memantau murid dan penilaian yang berterusan. Selain itu variabel lain yang menjadi unsur iklim akademik sekolah ialah pengurusan sekolah, kestabilan staf, perkembangan staf, kerjasama staf dan sebagainya (Bulach *et al.* 1995)

Bulach dan Malone (2005) berpendapat bahawa walaupun istilah yang digunakan adalah sama tetapi secara metodologinya apa yang dikaji dalam hasil

pembelajaran murid ialah variabel iklim akademik sekolah, kepemimpinan sekolah dan jangkauan guru yang tinggi terhadap murid. Peranan iklim akademik sekolah untuk meningkatkan penghasilan murid di sekolah telah mendapat sokongan daripada pelbagai sarjana. Iklim akademik sekolah mempengaruhi peluang-peluang murid untuk meningkatkan kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri dan seterusnya berjaya dalam akademik. Variabel iklim akademik sekolah menyebabkan berlakunya perubahan variabel hasil persekolahan seseorang murid (Brookover, (1979) dan Rutter, (1981). Hal ini kerana iklim akademik sekolah merupakan elemen yang penting dalam menjayakan program-program pengajaran di sekolah. Iklim akademik sekolah mengharmoniskan suasana di sekolah dan menyebabkan sesebuah sekolah itu berfungsi dengan berkesan. Tanpa iklim akademik sekolah, amat sukar untuk seseorang murid mencapai kejayaan di sekolah sama ada dari segi kognitif, imej-diri dan sikap bergantung kepada diri sendiri (Howard, 1987).

Swenny (1988) berpendapat bahawa iklim akademik sekolah yang berjaya atau positif merupakan asas yang kukuh untuk menjalankan sebarang program pendidikan. Iklim akademik sekolah yang menggalakkan membolehkan murid, guru dan pemimpin sekolah menjalankan fungsi dengan baik dan berkesan iaitu mendorong murid untuk belajar dan berjaya mencapai hasil persekolahan mereka (Bulach dan Castleman, 1995).

Kajian ini memfokuskan iklim akademik murid di sekolah-sekolah Tamil. Iklim akademik murid di sekolah Tamil memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan pencapaian murid-murid sekolah Tamil dalam pendidikan. Hakikatnya persekitaran masyarakat India tidak memberi banyak sumbangan kepada murid sekolah Tamil untuk mencapai hasil persekolahan anak-anak mereka (Siva, 2004). Ibu bapa murid India berasal daripada taraf sosio ekonomi yang rendah (Marimuthu, 1994). Iklim SJK Tamil seperti persekitaran sekolah, kemudahan fizikal, guru dan

kepimpinanlah menjadi pendorong kepada kemajuan akademik murid-murid di SJK Tamil. Kejayaan akademik murid di SJK Tamil boleh diukur berdasarkan keputusan UPSR sebagai petunjuk iklim akademik murid sekolah Tamil. Sekolah yang berjaya mencapai keputusan UPSR, berjaya mengekalkan iklim akademik murid yang positif. Iklim akademik murid memainkan peranan penting dalam pencapaian murid-murid di sekolah Tamil. Hal ini terbukti kerana kebanyakan ibu bapa murid sekolah Tamil di kawasan bandar, pinggir bandar dan ladang kurang membantu kerja-kerja akademik sekolah anak mereka di rumah (Sahul Hameed, 2004). Rata-rata ibu bapa murid yang tidak berpendidikan terpaksa bergantung kepada sekolah semata-mata untuk kejayaan akademik anak-anak mereka (Marimuthu, (1994) dan Manickam, (2006).

SJK Tamil yang berjaya dalam UPSR bukan sahaja mengekalkan iklim akademik murid yang positif tetapi juga mewujudkan kecemerlangan akademik murid. Terdapat empat variabel yang menjadi kunci penentuan kejayaan akademik murid SJK Tamil iaitu kepimpinan guru besar, kesungguhan dan jangkaan guru terhadap kemajuan murid, dan motivasi murid yang tinggi. Selain itu, penglibatan ibu bapa dengan kerja sekolah anak, penyertaan ibu bapa di sekolah, peningkatan kesedaran akademik dalam kalangan ibu bapa dan penglibatan komuniti luar sekolah seperti badan bukan kerajaan, PIBG, parti politik, badan-badan sukarela, jawatankuasa kuil, persatuan belia, badan korporat dan sebagainya turut mempengaruhi hasil persekolahan murid-murid SJK Tamil (*Maju Institute of Education Development*, 2004).

Kajian *Maju Institute of Education Development* (MIED) tidak menyentuh variabel taraf sosioekonomi keluarga dan suasana pembelajaran di SJK Tamil sama ada kondusif atau tidak. Namun begitu, sumbangan sosio ekonomi keluarga murid dan suasana pembelajaran di SJK Tamil tidak dapat dinafikan apabila mengkaji

variabel-variabel yang menyumbang kepada hasil persekolahan murid sekolah Tamil (Marimuthu, 1994).

1.2 Penyataan Masalah

Kajian ini telah menyelidik sejauh mana iklim akademik SJK Tamil dan input sosial seperti lima kumpulan taraf sosio ekonomi murid dan profil sekolah mempengaruhi kejayaan seseorang murid seperti kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri murid-murid SJK Tamil. Keputusan UPSR merupakan indikator kesediaan intelek atau kognitif murid. Hal ini kerana murid yang mempunyai kesediaan intelek yang tinggi dapat memahami pengajaran guru dan mempunyai kemahiran berfikir dan seterusnya berjaya dalam peperiksaan (Suradi Salim, 1987). Begitu juga dengan konsep sendiri dan relians sendiri. Murid yang mempunyai konsep sendiri dan relians sendiri menunjukkan motivasi yang tinggi untuk berusaha dan berkebolehan untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan (Koay, 1992). Pencapaian murid dalam UPSR dalam masa tiga tahun kebelakangan di sekolah-sekolah Tamil telah dipilih dan dikaji bagi memastikan pencapaian sebenar murid-murid sekolah Tamil.

Jadual 1.1 menunjukkan prestasi murid dalam UPSR dari tahun 1999 hingga 2004. SJK Tamil menyediakan 7 mata pelajaran sebagai subjek peperiksaan, iaitu Bahasa Tamil (Pemahaman), Bahasa Tamil (Penulisan), Bahasa Melayu (Pemahaman), Bahasa Melayu (Penulisan), Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Keputusan secara keseluruhan pencapaian murid SJK Tamil dari tahun 2000 hingga 2004 mengikut subjek adalah seperti berikut:

Jadual 1.1: Keputusan UPSR SRJK(T) 2000-2004 (dalam Peratus)

Subjek/Tahun	2000	2001	2002	2003	2004	% naik/turun
BM(Pemahaman)	43.9	54.6	59.3	60.0	71.1	+11.1
BM(Penulisan)	39.2	40.1	51.7	57.6	68.2	+10.6
BT(Pemahaman)	81.5	81.5	84.1	85.6	84.9	-0.9
BT(Penulisan)	65.9	70.2	79.1	78.0	79.1	+1.1
B. Inggeris	45.6	52.4	59.3	61.2	68.8	+7.6
Matematik	73.9	74.4	81.1	85.8	84.4	-1.4
Sains	73.9	82.6	74.7	78.6	83.6	+5.0

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2005)

Jadual 1.2: Bilangan 7A Di SJK Tamil Seluruh Malaysia dari Tahun 1999-2004

Tahun	1999	2000	2001	2002	2003	2004
Bil. 7A	45	101	165	202	363	378

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2005)

Berbanding dengan pencapaian UPSR dalam kalangan sekolah-sekolah rendah yang lain, didapati SJK Tamil menunjukkan kualiti yang kurang memuaskan sedangkan semua sekolah rendah di negara ini menggunakan sistem pendidikan dan kurikulum yang sama (Nayagam, 2001). Pencapaian murid-murid SJK Tamil yang lemah berbanding dengan murid sekolah lain menyebabkan mereka terpaksa bersaing untuk mendapatkan pekerjaan ataupun untuk melanjutkan pelajaran tinggi. Pada tahun 2004, hanya didapati seramai 378 orang murid SJK Tamil mendapat semua A. Angka ini sememangnya satu peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu seramai 363 orang. Akan tetapi 378 orang murid daripada jumlah 14,184 orang murid SJK Tamil yang menduduki UPSR pada tahun 2004, adalah satu pencapaian yang dikira rendah kerana hanya 2.7% orang murid sahaja yang

mendapat 7A berbanding dengan SJK Cina sebanyak 6.7% (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2004).

Masalah yang dihadapi oleh murid SJK Tamil ialah iklim akademik SJK Tamil yang tidak kondusif untuk murid mencapai kejayaan di sekolah. Daripada jumlah 526 SJK Tamil di negara ini sebanyak 376 buah menerima bantuan modal dan selebihnya 150 buah menerima bantuan penuh kerajaan. Sekolah yang menerima bantuan penuh kerajaan mempunyai kemudahan fizikal untuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif. Keadaan ini membolehkan guru besar, guru dan murid dapat menumpukan kejayaan murid di sekolah.

Sekolah-sekolah yang menerima bantuan penuh kerajaan tidak 100% mencapai kejayaan dalam UPSR. Statistik menunjukkan sekolah ladang yang menerima bantuan yang amat sedikit tetapi mencapai kejayaan dengan minimum seorang murid mendapat 7A. (Jabatan Pelajaran Kedah, 2005). Dengan ini dapat dirumuskan bahawa pencapaian murid SJK Tamil berbanding pencapaian murid Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), masih di tahap yang rendah. Keadaan ini dapat dijelaskan melalui perangkaan prestasi murid SJK Tamil secara keseluruhan dalam UPSR bagi tahun 2001, 2002, 2003 dan 2004 adalah seperti berikut :

Jadual 1.3: Bilangan Murid Cemerlang Tahun 2004

Jenis sekolah	Bilangan Murid Cemerlang
Sek. Kebangsaan	18
Sek. Jen. Keb. Cina	5
Sek. Jen. Keb. Tamil	2
Jumlah	25

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2004)

Jadual 1.4: Sekolah Prestasi Tinggi UPSR Tahun 2003

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah Cemerlang	Peratus Sekolah Yang Mendapat Kesemua Subjek A
Sek. Kebangsaan	35	6.8
Sek. Jen. Keb. Cina	16	7.2
Sek. Jen. Keb. Tamil	3	4.4

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003)

Jadual 1.5: Peratus Sekolah yang Mendapat A dalam Kesemua Subjek

Jenis Sekolah	2000	2001
Sek. Kebangsaan	5.4	5.7
Sek. Jen. Keb. Cina	3.4	3.6
Sek. Jen. Keb. Tamil	0.7	1.2

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2001)

Murid-murid SJK Tamil menunjukkan prestasi yang rendah secara konsisten. Pada tahun 2001, hanya 33% orang murid SJK Tamil mendapat kelulusan dengan minimum 7C. Sebanyak 7% orang memperoleh gred D dan E dalam semua subjek berbanding hanya 3% orang murid SJK Cina dan 6% orang murid SK (Nayagam, 2001). Murid yang memperoleh minimum gred C dalam Ujian Kefahaman Bahasa Melayu di SJK Tamil adalah sebanyak 55% orang murid berbanding SJKC sebanyak 65% orang murid. Bagi Ujian Penulisan hanya 40% orang murid SJK Tamil memperoleh minimum gred C dan bagi SJKC pula adalah sebanyak 57% orang murid. Pada tahun 2002, sebanyak 60% orang murid SJK Tamil memasuki kelas peralihan Sekolah Menengah kerana mereka tidak mempunyai kelulusan minimum dalam kemahiran menulis. Mengikut jadual di atas, hanya 1.2% orang murid SJK Tamil mendapat A dalam semua subjek berbanding dengan 98.8% orang murid SJK Tamil yang berada dalam keadaan yang membimbangkan (Nayagam, 2001).

Jadual 1.6 di bawah menunjukkan pencapaian murid-murid SJK Tamil dalam mata-mata pelajaran terpilih di SJK Tamil, SJKC dan SK bagi tahun 2003 peringkat nasional sebagai perbandingan.

Jadual 1.6: Peratusan Pencapaian UPSR Tahun 2003 Mengikut Mata Pelajaran

Mata Pelajaran Terpilih	SJK Tamil	SJK Cina	Sek. Keb.
Bahasa Inggeris	61.2%	68.9%	66.1%
Matematik	85.8%	93.7%	82.7%
Sains	78.6%	88.2%	82.2%
B. Tamil/Cina (Pemahaman)	85.6%	87.5%	-
B. Tamil/Cina (Penulisan)	78.0%	88.5%	-
Bahasa Melayu (Pemahaman)	60.0%	71.3%	90.3%
Bahasa Melayu (Penulisan)	57.6%	70.7%	86.1%

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2004)

Belum ada sebarang bukti yang mengatakan murid SJK Tamil tidak boleh menerima sebarang pengajaran guru dengan berkesan. Murid-murid memerlukan persekitaran sekolah yang lebih sempurna dan program inovatif untuk membantu kekurangan mereka dalam ekonomi dan sosial. Kelemahan mereka berpunca dari segi kesediaan intelek dan tiada motivasi untuk berjaya (Siti Nor Yaakob, 1990). SJK Tamil mempunyai ruang untuk memperbaiki kelemahan dalam bidang kurikulum, peruntukan sumber dan pengurusan sekolah (Yayasan Strategik Sosial, 2005). Masalah yang agak ketara dalam menghuraikan kelemahan prestasi murid SJK Tamil ialah kurangnya kemudahan pembelajaran, persekitaran sekolah, kelemahan murid menguasai Bahasa Melayu dan kurangnya profesionalisme guru dan guru besar SJK Tamil (Nayagam, 2001).

Oleh sebab 85% daripada SJK Tamil terletak di kawasan ladang, maka bangunan dan tanah sekolah tersebut bukan milik sekolah atau kerajaan tetapi

menjadi milik majikan ladang (Marimuthu, 1994). Kajian Yayasan Strategik Sosial terhadap masalah SJK Tamil telah mendapati bahawa punca kelemahan pencapaian murid-murid India dalam pendidikan adalah :

- SJK Tamil hanya memperoleh 2% daripada jumlah peruntukan untuk pendidikan
- Sebanyak 58% SJK Tamil mempunyai pendaftaran murid kurang daripada 200 orang
- 1/3 daripada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah ini adalah guru sementara tanpa sebarang latihan ikhtisas
- SJK Tamil ini tidak menggunakan teknologi pendidikan dengan sepenuhnya sama ada dari segi kurikulum, pedagogi, pengurusan sekolah ataupun prosedur penilaian murid.
- Penggunaan bahasa Melayu amat lemah dalam kalangan murid kerana mereka berasal daripada latar belakang sosial yang berbeza. (Yayasan Strategik Sosial, 1989)

Kajian mendapati bahawa murid SJK Tamil paling ramai yang tercicir dan tahap pencapaian akademik mereka juga adalah rendah. Malah kajian juga menunjukkan murid SJK Tamil tidak mempunyai persediaan prasekolah dan kebanyakan murid dipengaruhi oleh masalah kemiskinan dan persekitaran (Yayasan Strategik Sosial, 1989)

Sebahagian besar ibu bapa murid India di SJK Tamil kurang mempunyai kesedaran yang tinggi tentang betapa pentingnya pelajaran kepada anak mereka. Ramai di antara mereka kurang mengambil berat terhadap kemajuan atau kemunduran pelajaran anak mereka. Mereka kurang memberi sokongan akademik kepada anak-anak mereka. Salah satu punca utama ialah kedudukan taraf sosio

ekonomi keluarga India lebih rendah berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Taraf sosio ekonomi sesebuah keluarga mempunyai hubungan yang amat rapat dengan pencapaian murid di sekolah (Sharifah Md. Nor, 1991). Tanggung jawab ibu bapa di ladang terhadap pelajaran anak mereka terhenti selepas mereka mendaftar masuk anak mereka ke sekolah (Ibrahim Saad, 1986) “Ada ramai ibu bapa di luar bandar tidak tahu sama ada anak mereka mempunyai buku atau alat tulis yang cukup, ketertiban pakaian ke sekolah serta pembelajaran di sekolah”. (Ibrahim Saad, hlm. 68-69, 1986). Kadar kemiskinan dalam kalangan ibu bapa murid SJK Tamil menimbulkan personaliti yang negatif dalam kalangan anak-anak mereka di sekolah. Mereka berasa serba kekurangan dan tidak berani menghadapi cabaran untuk lebih maju (Memorandum, 2005). Kemiskinan dalam kalangan kaum India di ladang mahupun di bandar menyebabkan murid-murid tidak mengambil sarapan (Santhiram, 1999). Murid-murid SJK Tamil khususnya di kawasan ladang selalu diserang pelbagai penyakit dan sukar untuk memberi perhatian terhadap pelajaran (Marimuthu, 1994).

Berbanding dengan pencapaian murid Sekolah Kebangsaan dan SJK Cina, pencapaian murid SJK Tamil adalah jauh lebih rendah walaupun ada sedikit peningkatan dalam prestasi UPSR. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh kepimpinan guru besar, kesungguhan guru yang mengajar dan kerjasama pihak sekolah dengan pihak luar seperti PIBG, MIC dan badan-badan bukan kerajaan (MIED, 2004)

Perubahan iklim sekolah juga boleh dilihat dalam waktu persekolahan. Kini kebanyakan SJK Tamil menamatkan persekolahan pada pukul 4.00 petang. Guru-guru juga sanggup berada lebih lama di sekolah untuk memberi bimbingan kepada murid. Kebijaksanaan sesetengah guru besar untuk mencari alternatif lain seperti mendapatkan bantuan luar seperti makanan, minuman dan bahan pembelajaran bagi

penggunaan kelas-kelas petang, malam dan kelas waktu cuti sedikit sebanyak membantu murid mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Kesedaran komuniti luar sekolah seperti badan bukan kerajaan semakin meningkat. Mereka memberi sumbangan dalam bentuk kewangan dan moral kepada pembangunan SJK Tamil. Di samping itu, kepimpinan sekolah dan dedikasi guru merupakan dua elemen penting dalam memotivasikan murid SJK Tamil sehingga mereka mempunyai kesedaran tinggi terhadap pelajaran (Yayasan Strategik Sosial, 2005).

Kajian ini tidak memberi tumpuan kepada iklim sekolah yang berkaitan dengan kemudahan material (*resource based school input factors*) tetapi lebih bertumpu kepada "*school process factors*" ataupun ciri-ciri iklim sekolah iaitu iklim akademik SJK Tamil. "*Resource based school input factors*" tidak memberi sumbangan kepada pencapaian murid di SJK Tamil kerana sebanyak 85% SJK Tamil terletak di ladang dan tidak mempunyai kemudahan "*resource based factors*" seperti modal, bangunan tetap dan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik dan kemudahan telefon, komputer dan internet (MIED, 2004). Sebaliknya variabel-variabel yang mempengaruhi iklim akademik SJK Tamil seperti sumbangan badan-badan kerajaan dan input sosial seperti taraf sosio ekonomi dan profil sekolah telah dijadikan tumpuan dalam kajian ini.

Ada kajian menunjukkan bahawa dengan menaikkan gaji guru, menambah buku-buku di perpustakaan, menukar skema bacaan dan menambah program bacaan tambahan hanya mendatangkan kesan yang kecil sahaja terhadap hasil persekolahan murid SJK Tamil (Sahul Hameed, 2004). Pertambahan peruntukan kewangan melalui projek-projek baru tidak semestinya dapat meningkatkan hasil persekolahan seseorang murid (Murphy, Well dll, 1985). Iklim akademik sekolah yang digunakan dalam kajian ini ialah persepsi murid terhadap iklim akademik sekolah yang dihadiri. Selain itu sumbangan komuniti tempatan untuk meningkatkan

hasil pembelajaran murid di SJK Tamil turut dikaji. Komuniti tempatan seperti persatuan belia, jawatankuasa kuil, Biro Pelajaran dan badan-badan sukarela turut memberi sumbangan kepada pencapaian murid di SJK Tamil. Selain daripada badan-badan ini, peranan PIBG SJK Tamil juga telah dikaji. Sumbangan yang diberikan turut membantu mewujudkan iklim akademik murid SJK Tamil yang positif dan efektif. Penglibatan komuniti yang lebih terancang akan mendatangkan hasil yang positif termasuk menambah baik kemudahan sekolah, mengukuhkan kepimpinan sekolah dan staf, meningkatkan kualiti program pembelajaran murid, menyediakan sumber dan program untuk memperbaiki kelemahan dalam pengajaran, menjana kewangan dan sentiasa mendapatkan sokongan ibu bapa (Olsen dan Fuller, 2003).

Sumbangan fizikal iklim sekolah tidak dimasukkan dalam kajian ini kerana terdapat hanya sedikit kesannya terhadap iklim akademik sekolah (Bulach dan Castleman, 1995). Iklim akademik sekolah ialah sejauh mana kualiti persekitaran akademik sekolah yang dialami peserta mempengaruhi tingkah laku mereka agar tingkah laku mereka dapat bertahan. Pembentukan tingkah laku ini berdasarkan persepsi kolektif terhadap tingkah laku murid di sekolah dan secara umumnya tingkah laku ini dikenali sebagai personaliti sekolah (Montoyo dan Brown, 1990).

Pencapaian murid SJK Tamil yang terdiri daripada kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri banyak dipengaruhi oleh input sosial seperti taraf sosio ekonomi keluarga dan profil sekolah. Sumbangan badan bukan kerajaan terhadap hasil pembelajaran murid di SJK Tamil dan persepsi murid terhadap iklim akademik sekolah juga mempengaruhi pencapaian mereka tidak kira sama ada sekolah berkenaan berada di bandar, pinggir bandar atau ladang (Abdul Karim Mohd Noor, 1989).

1.3 Rasional Kajian

Pelbagai kajian telah dilakukan tentang pencapaian akademik murid SJK Tamil (Siti Nor Yaakob, (1990), Marimuthu, (1994), Selvarani, (1999), Santhiram, (1999), Annamalai (2003), Sahul Hameed, (2004) dan Siva, (2004). Ibu bapa yang bertaraf sosio ekonomi tinggi lebih banyak terlibat dalam pendidikan anak mereka berbanding dengan ibu bapa yang bertaraf sosio ekonomi rendah. Jika ibu bapa terlibat secara langsung dalam pendidikan anak mereka, maka murid-murid lebih bersikap positif ke sekolah, mengukuhkan tabiat membuat kerja rumah, mengurangkan ketidakhadiran ke sekolah dan keciciran serta menggalakkan pencapaian murid di sekolah (Astone, (1991) dan Fehrmann *et al.*, (1987).

Mengikut Santhiram (1999) kajian-kajian tentang kumpulan minoriti di Malaysia terutama kaum India adalah terlalu sedikit. Lebih-lebih lagi pendidikan golongan minoriti di Malaysia tidak banyak didokumentasikan. Menurutnya kajian-kajian yang sedia ada menyentuh sedikit sebanyak tentang masalah pekerja ladang dan masalah penguasaan bahasa di sekolah Tamil. Pengaruh latar belakang sosio ekonomi terhadap pendidikan amat rendah (Santhiram, 1999). Kajian iklim akademik murid-murid SJK Tamil belum dijalankan di negara ini. Marimuthu (1975) pernah mengkaji hubungan latar belakang keluarga India dengan aspirasi pekerjaan dan pendidikan dalam kalangan belia India. Terdapat juga beberapa kajian pengaruh bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa Malaysia di SJK Tamil. Selain itu Yayasan Strategik Sosial sebuah badan di bawah naungan MIC turut mengkaji masalah-masalah pendidikan khususnya masalah SJK Tamil secara kualitatif tanpa sebarang sokongan dan rujukan ilmiah. Terdapat juga satu lagi kajian di Universiti Utara Malaysia mengenai kepuasan dan komitmen guru SJK Tamil dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid SJK Tamil di Negeri Sembilan. (Radha

Krishnan, 1995). Satu lagi kajian mengenai pengurusan masa oleh guru besar SJK Tamil di Kedah telah dijalankan (Balakrishnan, 1997).

Annamalai (2003) pernah mengkaji punca masalah tingkah laku pelencongan murid India di sekolah Menengah. Selvarani (1999) pernah mengkaji kebolehan membaca dalam kalangan murid SJK Tamil dalam bahasa Inggeris. Santhiram (1999) pernah mengkaji masalah golongan minoriti murid di SJK Tamil dengan memberi penekanan terhadap latar belakang murid-murid SJK Tamil dan impaknya terhadap penguasaan literasi. Bagaimanapun kajian-kajian ini tidak menghubungkan persepsi murid terhadap iklim akademik murid dengan kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri.

Kajian tentang persepsi murid terhadap iklim akademik sekolah SJK Tamil secara komprehensif dengan melibatkan sumbangan komuniti luar sekolah seperti badan bukan kerajaan dan PIBG sebagai variabel bebas serta impaknya terhadap hasil persekolahan seperti kesediaan intelek murid, konsep sendiri dan relians sendiri murid sebagai dependen variabel tidak dijalankan. Kajian ini telah menjawab beberapa persoalan yang dihadapi oleh SJK Tamil. Melalui kajian ini diharapkan guru besar dan guru-guru dapat mengetahui kelemahan yang wujud dalam iklim akademik murid dan dapat memperbaiki kelemahan tersebut. Murid-murid SJK Tamil belum boleh berdikari dan mereka masih mempunyai persepsi bahawa diri mereka lemah dan mereka beranggapan bahawa mereka tidak boleh menandingi bangsa-bangsa lain (YSS, 1989). Murid sekolah Tamil masih banyak bergantung kepada guru sekolahnya untuk mencapai kejayaan mereka (Siti Nor Yaakob, (1990), Marimuthu, (1994), Selvarani, (1999), Santhiram, (1999), Annamalai (2003), Sahul Hameed, (2004) dan Siva, (2004).

Kajian ini bertujuan untuk mencari apakah kelemahan murid dan hubungan kelemahan murid dengan segi konsep dan persepsi diri serta halangan-halangan yang dihadapi oleh murid untuk mencapai kejayaan? Satu kajian yang melibatkan kepimpinan sekolah, pengajaran guru dan jangkaan guru terhadap murid, persekitaran sekolah dan penglibatan ibu bapa dalam kemajuan anak mereka di SJK Tamil belum diadakan lagi. Penyelidik telah mengkaji apakah iklim akademik murid SJK Tamil di negara ini?, dan apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada hasil persekolahan mereka dari segi kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri? Elemen yang mengukur kejayaan sesebuah sekolah ialah hasil yang diperoleh oleh murid di sekolah tersebut (Tunku Ismail Jewa, 1995).

Kajian tentang iklim akademik murid SJK Tamil telah memberi beberapa input yang berguna kepada pihak pengurusan sekolah dan guru-guru untuk meningkatkan kualiti SJK Tamil dari segi pencapaian akademik, konsep sendiri dan relians sendiri murid SJK Tamil. Keputusan UPSR yang dianalisis menunjukkan bahawa walaupun murid SJK Tamil menghadapi masalah kemudahan prasarana tetapi keputusan sesetengah murid didapati telah meningkat (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2004). Tetapi keadaan sebaliknya, mengapakah masih terdapat sesetengah murid dari SJK Tamil yang menerima bantuan penuh kerajaan, menunjukkan prestasi yang kurang baik? Oleh itu satu kajian yang menyeluruh di sekolah bantuan modal dan bantuan penuh perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana iklim akademik murid SJK Tamil mengikut kawasan sekolah mempengaruhi kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri. Pendekatan iklim akademik murid bukan sahaja mengkaji tentang peningkatan prestasi murid-murid SJK Tamil tetapi juga mengkaji tentang punca-punca kelemahan murid yang kurang mencapai keputusan yang baik dalam UPSR. Walaupun badan-badan yang berkepentingan dan peka terhadap SJK Tamil seperti Yayasan Strategik Sosial dan Biro Pelajaran mengkaji punca kelemahan murid, tetapi kajian mereka lebih berfokus kepada mencari alasan dan kupasan untuk

menuntut peningkatan keperluan mesyuarat dan dokumentasi bukan bersifat ilmiah atau akademik (Nayagam, 2001).

Laporan atau Memorandum Yayasan Strategik Sosial tidak membandingkan jenis-jenis sekolah lain dengan SJK Tamil. Hala tuju masa depan murid SJK Tamil setelah murid ini keluar dari sekolah tidak dilihat secara ilmiah atau secara statistik. Tumpuan kajian mereka lebih memihak kepada murid-murid yang cemerlang dan bagaimana murid ini boleh meningkatkan prestasi mereka melalui system persekolahan yang sedia ada. Kajian iklim akademik murid SJK Tamil yang diusahakan ini diharapkan dapat membantu semua peringkat murid sama ada yang pandai, sederhana dan lemah ataupun ibu bapa, guru dan guru besar untuk melihat masalah pembelajaran yang dihadapi oleh semua peringkat murid secara lebih dekat.


Lagipun kajian iklim akademik murid di tiga jenis profil sekolah iaitu bandar, pinggir bandar dan ladang belum dibandingkan secara komprehensif. Sumbangan komuniti tempatan seperti badan bukan kerajaan dan PIBG dalam hasil persekolahan murid di SJK Tamil mengikut kawasan sekolah bandar, pinggir bandar dan ladang juga belum dilakukan. Jenis-jenis sumbangan badan bukan kerajaan seperti persatuan-persatuan belia, jawatankuasa kuil, badan-badan korporat, badan politik, badan sukarela dan PIBG untuk mewujudkan iklim akademik murid yang positif dan efektif juga tidak terdapat dalam literatur. Penyelidik berharap kajian ini dapat mengisi kekosongan tersebut di samping menambah literatur tentang iklim akademik murid SJK Tamil di negara ini.

Iklim akademik murid merangkumi semua peserta dan elemen yang ada di sekolah (Bedad, 2003). Jadi peserta dan elemen-elemen sokongan yang ada di SJK Tamil boleh membantu menyelesaikan masalah-masalah yang wujud di sekolah.

Iklm akademik murid dan input-input sosial serta sumbangan badan bukan kerajaan dan PIBG digunakan sebagai variable untuk mengkaji kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri murid di SJK Tamil. Dengan ini guru atau mereka yang berkepentingan dalam meningkatkan prestasi murid-murid SJK Tamil dapat mengetahui psikologi sosial murid SJK Tamil secara dekat dan khusus.

1.4 Rangka Konsep Kajian

Kajian iklim akademik murid SJK Tamil ini akan menggunakan model yang diubahsuaikan daripada Model Brookover (1979). Model ini pernah digunakan di Amerika Syarikat untuk melihat pengaruh struktur sosial sekolah dan sistem sosial sekolah terhadap pencapaian akademik murid di sekolah (Brookover, 1979). Model yang diubahsuaikan oleh penyelidik pula digunakan untuk menganalisis sejauh mana iklim akademik murid mempengaruhi hasil persekolahan dari segi kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri murid sekolah Tamil di Malaysia. Kajian ini menggunakan rangka konsep seperti berikut.



Rajah 1.1: Model Variabel Sistem Sosial Sekolah dan Hubungannya dengan Hasil Murid

Kajian ini akan menggunakan Teori Iklim Akademik Pelajar Brookover (1979), Teori Sekolah Berkesan Reynolds (1976) dan Mortimore *et al.* (1988) serta Teori

Tingkah Laku Sosial Skinner (1938). Hasil persekolahan murid merupakan sebahagian daripada hasil iklim akademik sekolah. Selain iklim akademik sekolah, hasil persekolahan juga dipengaruhi oleh input sosial seperti taraf sosio ekonomi murid dan profil sekolah. Malah badan-badan bukan kerajaan dan PIBG juga mempengaruhi hasil persekolahan murid.

Terdapat dua variabel bebas iaitu sumbangan badan bukan kerajaan dan PIBG serta input sosial. Iklim akademik murid berperanan sebagai variabel *intervening* dan variabel bersandar ialah hasil murid. Badan bukan kerajaan dan PIBG banyak mempengaruhi hasil persekolahan murid di sekolah. Peranan badan-badan ini di SJK Tamil bandar, pinggir bandar dan ladang untuk mewujudkan iklim akademik murid yang positif dan efektif serta membantu murid memperoleh kesediaan intelek, meningkatkan konsep sendiri dan relians sendiri turut dikaji. Begitu juga dengan input sosial. Input sosial terdiri daripada lima kumpulan taraf sosio ekonomi keluarga murid dan profil sekolah. Pengaruh input sosial murid terhadap iklim akademik murid dan terhadap hasil persekolahan juga telah dikaji. Input sosial dikaji sama ada input-input lain membantu mewujudkan iklim akademik murid yang positif dan efektif serta membantu murid memperoleh kesediaan intelek, meningkatkan konsep sendiri dan relians sendiri. Penyelidik menghipotesiskan bahawa terdapat perbezaan dalam hasil persekolahan murid SJK Tamil mengikut lima kumpulan taraf sosio ekonomi. Keduanya, dihipotesiskan bahawa terdapat perbezaan dalam hasil persekolahan murid SJK Tamil mengikut profil sekolah seperti sekolah ladang, pinggir bandar dan bandar.

Konsep diri terhadap keupayaan mempunyai kaitan dengan tahap pencapaian individu (Brookover, 1979). Dihipotesiskan bahawa pencapaian murid SJK Tamil adalah satu proses interaktif di mana pencapaian murid boleh mengubahsui konsep diri terhadap keupayaan atau sebaliknya. Walaupun bukti

kajian tidak diperoleh, namun boleh dihipotesiskan bahawa interaksi yang sama antara sikap relians sendiri dan konsep sendiri murid SJK Tamil terhadap kesediaan intelek akan berlaku. Oleh itu perlu dikaji sejauh mana sumbangan badan bukan kerajaan dan PIBG, input sosial serta iklim akademik murid SJK Tamil menjelaskan perbezaan min hasil persekolahan sesama sekolah SJK Tamil.

Kajian memberi focus kepada tiga set hasil persekolahan iaitu kesediaan intelek, konsep sendiri dan relians sendiri murid SJK Tamil. Tumpuan utama kajian ialah kesediaan intelek murid yang dikenal pasti sebagai kesediaan kognitif sekolah bagi menentukan pencapaian murid. Kedua ialah konsep sendiri murid SJK Tamil. Ketiga ialah relians sendiri SJK Tamil. Ringkasnya kajian ini mempercayai bahawa tingkah laku yang dipelajari oleh murid SJK Tamil akan berbeza-beza antara sekolah dan perbezaan antara sekolah ini boleh dijelaskan dengan ciri-ciri sistem sosial sekolah.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. mengkaji input badan bukan kerajaan, PIBG, guru besar, guru, dan murid terhadap iklim akademik murid.
2. mengkaji perbezaan yang terdapat dalam hasil persekolahan murid mengikut lima kumpulan taraf sosio ekonomi.
3. mengkaji perbezaan yang terdapat dalam hasil persekolahan murid mengikut profil sekolah iaitu sekolah ladang, pinggir bandar dan bandar.
4. mengkaji hubungan yang terdapat di antara persepsi murid terhadap iklim akademik murid dengan hasil persekolahan mereka.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif tersebut beberapa soalan akan dikemukakan dalam kajian ini. Antaranya:

1. Apakah input badan bukan kerajaan dan PIBG terhadap kesia-siaan akademik, penilaian dan jangkaan masa depan, penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid, galakan dan norma guru dan norma akademik murid?
2. Apakah input guru besar terhadap kesia-siaan akademik, penilaian dan jangkaan masa depan, penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid, galakan dan norma guru dan norma akademik murid?
3. Apakah input guru terhadap kesia-siaan akademik, penilaian dan jangkaan masa depan, penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid, galakan dan norma guru dan norma akademik murid?
4. Apakah input murid terhadap kesia-siaan akademik, penilaian dan jangkaan masa depan, penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid, galakan dan norma guru dan norma akademik murid?
5. Adakah terdapat perbezaan dalam hasil persekolahan murid mengikut lima kumpulan taraf sosio ekonomi?
6. Adakah terdapat perbezaan dalam hasil persekolahan murid mengikut profil sekolah?
7. Adakah terdapat hubungan di antara persepsi murid terhadap iklim akademik sekolah dengan hasil persekolahan murid?

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan tinjauan bacaan dan rangka konsep kajian yang dibina, beberapa hipotesis alternatif telah dibentuk untuk menjawab soalan-soalan kajian di atas. Terdapat 3 hipotesis utama dan dipecahkan kepada 21 hipotesis sampingan yang telah diuji pada aras kesignifikanan $\alpha = 0.05$.

Hipotesis 1 (Ha 1)

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam hasil persekolahan murid mengikut lima kumpulan taraf sosio ekonomi.

- 1.1 Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesediaan intelek murid antara murid lima kumpulan taraf sosioekonomi
- 1.2 Terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep sendiri murid antara murid lima kumpulan taraf sosioekonomi
- 1.3 Terdapat perbezaan yang signifikan dalam relians sendiri murid antara murid lima kumpulan taraf sosioekonomi

Hipotesis 2 (Ha 2)

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam hasil persekolahan murid mengikut profil sekolah.

- 2.1 Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesediaan intelek murid antara murid sekolah bandar, pinggir bandar dan ladang
- 2.2 Terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep sendiri murid antara murid sekolah bandar, pinggir bandar dan ladang
- 2.3 Terdapat perbezaan yang signifikan dalam relians sendiri murid antara murid sekolah bandar, pinggir bandar dan ladang

Hipotesis 3 (Ha 3)

Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap iklim akademik dengan hasil persekolahan murid.

- 3.1 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap kesediaan akademik dengan kesediaan intelek murid
- 3.2 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap kesediaan akademik dengan konsep diri murid
- 3.3 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap kesediaan akademik dengan relians diri murid
- 3.4 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan masa hadapan dengan kesediaan intelek murid
- 3.5 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan masa hadapan dengan konsep diri murid
- 3.6 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan masa hadapan dengan relians diri murid
- 3.7 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid dengan kesediaan intelek murid
- 3.8 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid dengan konsep diri murid
- 3.9 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap penilaian dan jangkaan ibu bapa dan guru terhadap murid dengan relians diri murid
- 3.10 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap galakan guru dan norma guru dengan kesediaan intelek murid
- 3.11 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap galakan guru dan norma guru dengan konsep diri murid

- 3.12 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap galakan guru dan norma guru dengan relians sendiri murid
- 3.13 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap norma akademik murid dengan kesediaan intelek murid
- 3.14 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap norma akademik murid dengan konsep sendiri murid
- 3.15 Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap norma akademik murid dengan relians sendiri murid

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Kesia-siaan Akademik

Istilah kesia-siaan akademik ini diterjemah daripada istilah "*futility*" dari kajian Brookover (1979). Mengikut Kamus Dwibahasa, "*futility*" bermaksud *anggap tidak berfaedah, tidak berguna, kesia-siaan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 488, 2001). Kesia-siaan akademik merupakan satu sikap tidak mementingkan akademik. Pelajar-pelajar tidak peduli dan mudah mengabaikan pelajaran. Pelajar-pelajar memberi pelbagai alasan jika mereka lemah dalam akademik.

1.8.2. Taraf sosioekonomi

Murid-murid dalam kajian ini ialah murid tahun lima. Dalam kajian ini latar belakang keluarga ialah taraf sosioekonomi keluarga murid. Pengkategorian keluarga mengikut taraf sosio ekonomi dibuat berdasarkan Kajian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2005). Menurut kementerian ini terdapat 5 peringkat latar belakang sosioekonomi keluarga seperti berikut:

- 1) di bawah garis kemiskinan (bawah pendapatan isi rumah RM529.00 bagi Semenanjung)
- 2) lebih daripada garis kemiskinan tetapi masih terdiri daripada kumpulan pekerja
- 3) kelas sederhana seperti bekerja sebagai penyelia, kerani, penyimpan stor dan sebagainya.
- 4) kelas pertengahan seperti guru, penolong pengurus pejabat dan kilang, perniagaan tetap dan sebagainya
- 5) kelas tinggi seperti ahli profesional seperti doktor, peguam, jurutera dan sebagainya.

1.8.3. Profil Sekolah

Profil sekolah dalam kajian ini dikategorikan ke dalam bandar, pinggir bandar dan lading. Bandar bermaksud sebuah kawasan yang mempunyai penduduk lebih seratus ribu orang dan jumlah pendapatan pihak berkuasa tempatan adalah lebih RM5 juta setahun serta terdapat banyak kemudahan perbandaran yang disediakan oleh Majlis Perbandaran. Pinggir bandar merujuk kepada kawasan yang penduduknya kurang daripada seratus ribu orang dan pendapatan tahunan adalah kurang daripada RM5 juta serta kemudahan asas disediakan oleh Majlis Daerah. Ladang bermaksud tanah persendirian yang dimiliki oleh swasta atau orang perseorangan. Jumlah penduduk di ladang adalah kurang daripada seribu orang. Kemudahan yang paling asas seperti air, elektrik, rumah dan sekolah disediakan oleh majikan ladang dengan bantuan modal daripada kerajaan. Terdapat ladang yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti air paip bersih, rumah dalam keadaan uzur dan tiada bekalan elektrik. Ada sesetengah ladang tidak mempunyai sekolah, jadi murid terpaksa berjalan atau menaiki basikal atau motor ke sekolah yang berdekatan.